



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PENERIMA PERTAMA *EX GRATIA* KEMATIAN

-
1. Kerajaan melalui Pembentangan Belanjawan Tahun 2020 telah bersetuju untuk memberikan insentif baharu faedah terbitan melalui *Ex-Gratia* Kematian.
 2. Ex-Gratia Kematian merupakan pemberian tambahan kepada faedah-faedah sedia ada dan dibayar **secara sekaligus kepada waris yang layak** kepada anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau selepas 1 Januari 2020 dengan tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 240 bulan.
 3. Prinsip pemberian ini adalah untuk membantu meringankan beban tanggungan gemulah terutama bagi perbelanjaan serta pendidikan anak-anak dan keperluan harian ibu bapa kandung gemulah.
 4. Dengan merujuk kepada kes-kes semasa, terdapat waris kepada anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, menerima faedah terbitan yang rendah berdasarkan kepada **skim persaraan yang dipilih dan tempoh perkhidmatan yang singkat**. Faedah terbitan yang rendah tersebut **mungkin** tidak mencukupi untuk membantu waris terutama anak-anak yang masih kecil serta balu/duda yang perlu menanggung beban kewangan yang ditinggalkan oleh gemulah ketika mula menjalani kehidupan berkeluarga.
 5. Pemberian *Ex-Gratia* Kematian kepada waris yang layak terpakai kepada anggota lantikan tetap atau sementara yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta anggota Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, sama ada yang telah memilih Skim Pencen mahupun Skim KWSP. Perkara ini adalah tertakluk juga kepada apa-apa potongan ke atas hutang anggota yang meninggal dunia tersebut kepada Kerajaan.

Latar Belakang Penerima Pertama *Ex-Gratia* Kematian

6. Penerima pemberian *Ex-Gratia* Kematian yang pertama adalah bala kepada Gemulah Adlan bin Abdul Aziz yang meninggal dunia pada 02/01/2020, iaitu Puan Herlyna binti Bachtiar yang sedang berkhidmat sebagai Guru di SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur.
7. Gemulah yang merupakan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan mula berkhidmat sebagai Guru (Tetap) mulai 01/07/2005 dan sebelum meninggal dunia, gemulah berkhidmat di SMK Puteri Wilayah, Kuala Lumpur.
8. Gemulah turut meninggalkan empat (4) orang cahaya mata iaitu; Ammar bin Adlan (19 tahun), Amir bin Adlan (17 tahun), Ahla Adlina binti Adlan (14 tahun) dan Amru bin Adlan (9 tahun). Selain itu, gemulah turut meninggalkan seorang ibu Puan Habsah binti Lebai Din yang juga merupakan waris yang layak ke atas *Ex-Gratia* Kematian ini.
9. Pelaksanaan pemberian *Ex-Gratia* Kematian kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan ini dijelaskan secara terperinci dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 26 Februari 2020
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (82)